

KUALA LUMPUR, 29 OGOS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, MEMBERI AMARAN HARI INI BAHAWA SUMBER KAYU KAYAN NEGARA AKAN HABIS DALAM MASA 12 TAHUN LAGI JIKA KADAR PENGUSAHA-HASILAN HUTAN TIDAK DIKAWAL.

SAMBIL MENSIFATKANNYA SEBAGAI SATU KRISIS PENTING DALAM PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA, BELIAU BERKATA, JIKA KEADAAN INI BER-TERUSAN IA AKAN MEMBERI IMPLIKASI YANG SERIUS TERHADAP EKONOMI NEGARA.

KATANYA PADA KIRA-KIRA TAHUN 1990, KADAR PENGELUARAN KAYU BALAK TIDAK AKAN MENCUKUPI UNTUK MEMPEKALKAN PERMINTAAN DALAM NEGARA; PERUSAHAAN EKSPORT AKAN LENYAP DAN SEBAHAGIAN BESAR DARI KEUPAYAAN KILANG KAYU YANG ADA SEKARANG TERPAKSA DITUTUP.

+PADA MASA ITU KITA TERPAKSA MENGIMPORT KAYU DAN INI AKAN MENGURANGKAN PERTUKARAN WANG ASING KITA, RAKYAT AKAN HILANG MATA PENCARIAN, DAN KITA JUGA AKAN HILANG MODAL YANG DITANAM DALAM PERUSAHAAN ITU. + KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT MAJLIS PERHUTANAN NEGARA DI SINI HARI INI.

MESYUARAT YANG DIHADIRI OLEH SEMUA MENTERI BESAR, KETUA MENTERI ATAU WAKIL MEREKA DAN LIMA ORANG MENTERI KEBINET AKAN MEMBAHASKAN LAPAN PERKARA TERMASUK DASAR PERHUTANAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LANGKAH-LANGKAH POSITIF MESTI DIAMBIL DARI SEKARANG SUPAYA KRISIS YANG PERLAHU AKAN DAPAT DI-KURANGKAN KESANNYA. -- BERSAMBUNG 1408/YF

EE

B537

MAHATHIR-HUTAN 2 KUALA LUMPUR

+SAYA PERCAYA KITA MASIH LAGI MEMPUNYAI KEUPAYAAN, TENAGA, DAYAUSAHA DAN KEJUJURAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH DAN TINDAKAN YANG WAJAR BAGI KEPENTINGAN KITA BERSAMA. +

MENURUT BELIAU JIKA PEMBUKAAN KAWASAN-KAWASAN HUTAN DIRUAT DENGAN KADAR KELUASAN YANG BETUL-BETUL DIPERLUKAN UNTUK PEMBANGUNAN PERTANIAN TIAP-TIAP TAHUN, IAITU KIRA-KIRA 140,000 EKAR, DAN BUKAN ATAS KADAR PURATA SEKARANG SELUAS 680,000 EKAR SETAHUN, SUMBER HUTAN ITU AKAN DIPANJANGKAN UMURNYA BAGI TEMPOH 35 TAHUN LAGI.

PERUSAHAAN PERKAYUAN NEGARA INI YANG BERMULA DALAM TAHUN TIGAPULUHAN TELAH BERKEMBANG DENGAN PESATNYA DAN SEKARANG PERUSAHAAN INI DAPAT MENGELUARKAN PELBAGAI JENIS PENGELUARAN DAN MENGA-DAKAN PEKERJAAN LANGSUNG BAGI KIRA-KIRA 50,000 ORANG DAN TIDAK LANGSUNG KEPADA RIBUAN LAGI.

+KITA HARUS MENYEDARI SETAPA SERIUS IMPLIKASINYA KEPADA KESTABILAN SOSIO-EKONOMI NEGARA INI, JIKA SEKIRANYA SEKTOR PERUSAHAAN PERKAYUAN MEROSOT. + KATANYA.

BELIAU BERKATA KERANA PEMBUKAAN HUTAN YANG TIDAK TERKAWAL DALAM MASA ENAM TAHUN INI, KIRA-KIRA 5.5 JUTA EKAR KAWASAN HUTAN TELAH DIBUKA DAN DALAM TAHUN 1976 SAHAJA 1.015 JUTA EKAR TELAH DIBALAK-SATU ANGKA YANG PALING TINGGI.

MENURUTNYA WALAUPUN 4.1 JUTA EKAR DARIPADA KAWASAN YANG DIBUKA ADALAH UNTUK PEMBANGUNAN PERTANIAN, TETAPI 1.4 JUTA EKAR LAGI TIDAK DIPERLUKAN UNTUK DIMAJUKAN DENGAN SEGERA. -- BERSAMBUNG 1414/

MAHATHIR-HUTAN 3 KUALA LUMPUR

KEGIATAN MENGHUTAN-SEMULA KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL, MENURUT BELIAU, JUGA MENGHAMPAKAN. LUAS KAWASAN HUTAN SIMPAN YANG TELAH DIJAYATUMBUHKAN SEJAK 20 TAHUN YANG LALU TIALAH SELUAS 540,000 EKAR SAHAJA.

+ANGKA INI ADALAH SANGAT RENDAH JIKA DIBANDINGKAN DENGAN KAWASAN YANG DIBALAK SECARA PURATA KIRA-KIRA 680,000 EKAR SETIAP TAHUN. DALAM TEMPOH ENAM TAHUN KEBELAKANGAN INI, KIRA-KIRA 1.4 JUTA EKAR KAWASAN HUTAN SIMPAN TELAH DIBALAK, BERBANDING DENGAN HANYA SELUAS 125,000 EKAR YANG TELAH DIPULIHKAN.+

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, MESYUARAT TERSEBUT AKAN MEMBINCANGKAN SATU KERTAS KERJA PENTING BERTAJUK +DASAR PERHUTANAN NEGARA+ SEBAGAI MENGHADAPI MASALAH YANG DISEBUTKANNYA.

KATANYA WALAUPUN SELEPAS ENAM TAHUN MAJLIS PERHUTANAN NEGARA DITUBUHKAN, IA MASIH LAGI MEMBINCANGKAN MENGENAI SATU DERAH DASAR HUTAN NEGARA.

+SAYA MINTA JASA BAIK SIDANG MAJLIS INI SUPAYA DENGAN SEBULAT SUARA MENERIMA DAN BERSETUJU DASAR YANG AKAN DIBENTANGKAN TANPA DITANGGUH-TANGGUH LAGI.+

SEIRING DENGAN PENERIMAAN DASAR ITU, KATANYA, KEPERLUAN BAGI MENGADAKAN PERBEKALAN UNDANG-UNDANG YANG KEMAS TIDAKLAH JUGA KURANG PENTINGNYA.

SIDANG MAJLIS AKAN JUGA MENKKAJI SATU KERTAS UNTUK MENGULANGKAJI DAN MENSERAGAMKAN UNDANG-UNDANG MENGENAI HUTAN DALAM NEGARA.

-- BERSAMBUNG 1418/YF

EE

B539

MAHATHIR-HUTAN 4 KUALA LUMPUR

KATANYA PERBEKALAN-PERBEKALAN, YANG MULA DIISYTIHARKAN 40 TAHUN DULU, TELAH JAUH KETINGGALAN ZAMAN DAN TELAH MELEMAHKAN JENTERA PENTADBIRAN DAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG.

IA PERLU DISESUAIKAN DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA SEKARANG.

+PADA HEMAT SAYA CARA INI SAJALAH DAPAT MENJAMIN KESELAMATAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI PEMBANGUNAN HUTAN DAN PERUSAHAAN HUTAN KITA SECARA LEBIH BERMUNAFAT DAN BERTERUSAN.+

BELIAU JUGA MENEGASKAN SUPAYA DISEGERAKAN PENUBUHAN KAWASAN-KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL.

MEMANDANGKAN KEGAGALAN UNTUK MEMULIHKAN KAWASAN HUTAN YANG TELAH DIUSAHAKAN, BELIAU BERKATA, KERAJAAN PERSEKUTUAN SANGGUP MEMBIAYAI KERJA-KERJA DAN AKTIVITI-AKTIVITI MEMULIHKAN KAWASAN HUTAN UNTUK MENAMBAH TABUNG SES KERAJAAN NEGERI, JIKA KERAJAAN NEGERI SANGGUP MENJADIKAN KAWASAN ITU KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL.

+SAYA YAKIN, SEMUA AHLI-AHLI SIDANG MAJLIS BERSETUJU ADALAH MENJADI KEWAJIPAN KITA SEMUA UNTUK MENENTU SEMOGA SEKTOR PERHUTANAN NEGARA INI AKAN TERUS BERPANJANGAN DAN TIDAK DIBIARKAN HABIS REGITU SAHAJA.+ -- BERNAMA 1422/YF